

PdPR Norma Baharu Dunia Pendidikan Semasa Pandemik



Oleh: Suhaib Shafie

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 7 Julai 2021



Gambar hiasan.

Situasi pandemik COVID-19 telah mengubah corak kehidupan manusia, merencatkan pertumbuhan ekonomi dan mengubah sistem pendidikan. Jika dahulu aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilakukan secara konvensional namun kini, ia dijalankan secara maya.

Langkah itu diambil memandangkan proses PdP secara bersemuka tidak lagi dapat dilakukan bagi mengekang penularan COVID-19.

Kerajaan mula menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. Para pendidik pada masa itu mengalami perubahan yang ketara terhadap kaedah pengajaran baharu yang sukar untuk diterapkan kerana berkonsepkan maya.

Pengajar dan pelajar seharusnya diterapkan dengan kemahiran yang mendalam untuk mengaplikasikan PDP di Rumah (PdPR) dengan berkesan. Realitinya, ada sebilangan pendidik yang menggunakan kaedah ini, sementara yang lain hanya menggunakannya ketika perlu sahaja.

Apabila pelajar IPT belajar secara maya mengikut tahap yang ditetapkan, mereka secara tidak langsung terlibat dalam proses andragogi dan pedagogi.

Andragogi adalah proses PdPR yang melibatkan pelajar sama seperti di institusi pengajian tinggi (IPT) manakala pedagogi adalah proses aplikasi pembelajaran dan kemahiran secara berterusan.

Dalam proses PdPR yang efisien, pelajar dan pensyarah dapat berkomunikasi dua hala di samping memperoleh kefahaman yang lebih mantap.

Dalam PdPR, pelajar biasanya mampu menguasai banyak kaedah yang diberi oleh pensyarah. Dengan menggunakan pendekatan maya, pensyarah masih dapat memberi bantuan walaupun mereka menghadapi kesukaran dari segi capaian internet.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Vanderbilt University di Amerika Syarikat pada tahun 2015, hampir 92 peratus responden yang terdiri daripada pelajar pelbagai bidang dan fakulti bersetuju bahawa PdP secara dalam talian adalah lebih efektif dan berkesan berbanding secara konvensional.

Hampir tiga peratus dari jumlah keseluruhan responden masih memerlukan kaedah PdP secara bersemuka, dan baki hampir lima peratus adalah berkecuali. Ini menunjukkan bahawa kaedah PdP dalam talian adalah pilihan pelajar masa kini.

Di Malaysia, setelah melalui PdPR 1.0 dan seterusnya, didapati amalan ini perlu ditambah baik segera supaya keberkesannya boleh dicapai. Para pensyarah bernasib baik kerana pemikiran dan sikap mahasiswa yang lebih matang membantu memudahkan proses PdP secara maya.

Namun terselit juga kes mahasiswa yang gagal akibat pelbagai faktor, antaranya isu capaian internet, kemampuan pelajar B40, pembabitan ibu bapa serta motivasi yang merudum.

Banyak universiti di Malaysia dirancang untuk menggunakan e-pembelajaran. Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan strategik untuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam e-pembelajaran.

IPT menggunakan pendekatan e-pembelajaran dalam dua acara umum iaitu secara dalam talian sepenuhnya atau secara gabungan antara pembelajaran konvensional atau bersemuka dan pembelajaran dalam talian.

Universiti Terbuka Malaysia (OUM) adalah antara universiti yang telah lama memanfaatkan pendekatan kedua itu sebagai mod pengajaran utama sejak ia beroperasi pada 2001.

Semangat ingin belajar mendorong para pelajar berikhtiar mengatasi masalah berkaitan pembelajaran maya di rumah dengan meminta bantuan ibu bapa atau rakan sebaya untuk menyelesaikan tugas atau penyelidikan mereka.

Matlamat menjadikan PdPR dalam talian sebagai platform utama dalam sistem pendidikan adalah untuk mendorong para pelajar dan pensyarah mengembangkan kemahiran mereka dalam penggunaan teknologi maklumat (IT).

Di IPT hari ini, penekanan terhadap andragogi dan pedagogi nampaknya memberi ruang baharu kepada mahasiswa, sejajar dengan kemudahan teknologi yang semakin canggih untuk peningkatan dari segi pendidikan dan sahsiah peribadi.

Pelajar dan tenaga pensyarah yang mempunyai kemahiran IT yang tinggi bukan sahaja dapat memenuhi kriteria tahap pengajian mengikut kursus, malah dapat meningkatkan pengetahuan komunikasi mereka dengan memanfaatkan teknologi terkini.